

# Maklumat karut ancam kelapa sawit

KUALA LANGAT, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan bahawa pasaran minyak kelapa sawit Malaysia di negara-negara Islam terjejas disebabkan penyebaran maklumat yang salah mengenainya.

Berucap merasmikan kilang minyak kimia, Henkel Eleochemical, dekat sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata maklumat yang menentang kepentingan minyak kelapa sawit itu tersebar di beberapa buah negara Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir tidak menyebut negara-negara itu, tetapi dipercayai ia membabitkan negara-

negara seperti Iran dan mungkin juga Pakistan. Adalah diketahui bahawa ada pihak luar yang mendakwa minyak kelapa sawit tidak sesuai untuk makanan manusia.

Iran dan Pakistan adalah dua negara Islam yang banyak mengimport minyak makan; tetapi mereka lebih cenderung membeli minyak kacang soya Amerika Syarikat, pembekal utama minyak kacang soya, memberi pinjaman khas kepada negara-negara yang mengimport minyak itu.

"Menurut mereka, minyak kelapa sawit tidak boleh dimakan dan dakwaan ini mempengaruhi negara-negara Islam," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan torus berusaha memperluaskan pasaran bahan

itu di seluruh dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir juga kesal bahan itu menghadapi halangan dalam perdagangan antarabangsa. Kadangkala berlaku diskriminasi terhadap minyak kelapa sawit.

"Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) mengenakan duti import 12 peratus ke atas minyak kelapa sawit yang diproses dan empat peratus ke atas minyak kelapa sawit mentah.

"Keadaan ini membuktikan negara-negara maju mengutamakan import bahan mentah daripada negara-negara membangun," katanya.

## Teknologi

Negara-negara maju itu, tambahnya, ingin memproses sendiri bahan mentah supaya semua tambah nilai dapat dibolot.

Rangka duti import EEC menunjukkan kadar yang dikenakan ke atas minyak kelapa sawit yang siap diproses tiga kali ganda lebih daripada ke atas minyak kelapa sawit mentah sedangkan mereka menawarkan sistem perdagangan bebas. Amalan ini membuktikan mereka sebenarnya petualang

dalam perdagangan bebas.

Datuk Sri Dr Mahathir berkata, pengusaha minyak kelapa sawit perlu berganding bahu dengan kerajaan memberi penerangan kepada bakal-bakal pengguna antarabangsa.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara maju tidak teragak-agak mencari kesempatan mendapatkan teknologi lebih baik. Malaysia perlu mengambil tindakan yang sama.

Dengan kesedaran itu, katanya, Malaysia perlu mencari teknologi dan bukan menunggu teknologi moden itu datang menggolek.

Beliau berharap kakitangan syarikat itu yang terbabit dengan pemindehan teknologi sentiasa menguatkan semangat dan mencari pengetahuan baru. Mereka tidak harus menunggu pakar-pakar asing menyogorkannya kepada mereka.

Katanya, memang timbul rasa kurang senang di kalangan kakitangan asing untuk memberi pengetahuan teknologi mereka, tetapi sekiranya kakitangan tempatan agresif dan betul-betul bersedia, usaha itu akan berhasil.